

INTEGRITI DARIPADA PERSPEKTIF AL-QURAN

Integriti yang lemah mengakibatkan berlakunya tsunami dalam organisasi, iaitu kerosakan sumber manusia dan material (Jamiah Manap et al., 2005). Justeru, pemerkasaan nilai integriti perlu segera dilaksanakan untuk melahirkan modal insan yang terpuji, seterusnya memantapkan lagi kegemilangan tamadun ummah. Integriti tercapai apabila tindakan seseorang itu selaras dengan nilai hidupnya. Walau bagaimanapun, konflik timbul apabila terdapat pertentangan nilai di antara individu, masyarakat dan nilai kebenaran yang mutlak. Sehubungan dengan itu, bab ini mengupas 'integriti *mutmainah*' sebagai resolusi bagi menangani konflik nilai dan kerapuhan integriti dalam kerangka memperteguh identiti budaya bangsa Malaysia dan Indonesia berlandaskan al-Quran dan Sunnah.

Integriti secara umumnya merujuk kepada kesatuan di antara nilai dan tingkah laku. Pellegrino (1990), Roberts (1994) dan Musschenga (2001) melihat integriti sebagai keselarasan nilai dalaman dengan tindakan seseorang. Masalah timbul apabila terdapat perbezaan nilai yang dipegang oleh individu dan masyarakat di sekitarnya. Perbezaan nilai ini kemudiannya menimbulkan konflik yang akan menggugat kesejahteraan individu dan masyarakat. Situasi ini menjadi bertambah parah apabila pertembungan di antara nilai-nilai timur dan barat dalam era globalisasi dan glokalisasi berlaku tanpa kekuatan personaliti dan jati diri.

Definisi integriti yang diberikan oleh Pellegrino (1990), Roberts (1994) dan Musschenga (2001) memberikan konotasi bahawa integriti juga memberikan interpretasi yang negatif apabila tingkah laku seseorang selaras dengan nilai negatif yang dipegangnya. Di sinilah teretusnya “integriti amarah” yang merujuk kepada keselarasan nilai buruk yang dipegang oleh individu atau masyarakat dengan ucapan dan tindakannya. Jiwa manusia pada tahap ini berada dalam keadaan sesat dan gelisah akibat kejahilan dan kesombongan diri. Kecerdasan emosi, kecerdasan mental, ketaqwaan dan tahap keimanannya berada pada tahap rendah kerana kegagalan memilih jalan yang benar dan kegagalan mengawal hawa nafsu yang cenderung kepada perbuatan keji. Walau bagaimanapun, konsep sendiri berada pada tahap yang tinggi kerana wujudnya sifat sombong dan bangga diri sebagaimana kesombongan yang ditunjukkan oleh iblis apabila diperintahkan sujud kepada Nabi Adam a.s. Jadual 5.1 menunjukkan matrik hubungan di antara jiwa *amarah*, *munafik*, *lawwamah* dan *mutmainah*.

Jadual 5.1: Matrik Jiwa *Ammarah*, *Munafik*, *Lawwamah* dan *Mutmainah*.

	Integriti Amarah	Sindrom Munafik	Sindrom Lawwamah	Integriti Mutmainah
Sifat Jiwa	Gelisah (sesat)	Gelisah (berpura-pura)	Gelisah (mengkritik diri)	Tenang
Nilai Dalaman	Negatif	Negatif	Positif	Positif
Tutur Kata/Tindakan	Negatif	Positif	Negatif/Positif	Positif
Tahap Iman	Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi
Kecerdasan Rohani (SQ)	Negatif	Negatif	Rendah	Positif
Kecerdasan Emosi (EQ)	Negatif	Positif (luaran sahaja)	Negatif/positif	Positif
Kecerdasan Intelek (IQ)	Negatif	Negatif	Positif	Positif
Konsep Kendiri	Tinggi	Rendah	Rendah	Sempurna